

15 JUL 2000

Mahathir-Umno/I

UMNO TIDAK MENERIMA ANGGOTA DI SARAWAK, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno tidak akan menerima sebagai anggotanya mana-mana calon pembangkang dan bebas yang menewaskan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri akan datang.

"Umno tidak mahu datang ke Sarawak," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat BN Sarawak yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Antara yang hadir di mesyuarat itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga presiden PBB, presiden SUPP Tan Sri Dr George Chan dan Presiden SNAP Datuk Amar James Wong

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai dakwaan kumpulan politik tertentu di Sarawak yang mereka akan bertanding sebagai calon bebas dalam pilihan raya negeri akan datang dan jika menang mereka akan memohon untuk menyertai Umno.

Tempoh Dewan Undangan Negeri sekarang akan tamat pada September 2001.

"Tiada sesiapa pun berhak untuk menjanjikan yang mereka akan diterima oleh Umno. Kita tidak akan menerima mereka," kata Perdana Menteri.

Mengenai pertemuan hari ini, Dr Mahathir yang tiba di sini untuk lawatan kerja tiga hari menjelaskan perkembangan terbaru di negara kepada pemimpin-pemimpin BN Sarawak termasuk insiden rompakan senjata milik tentera di Gerik, Perak.

"Saya telah menjelaskan semula mengenai konsep BN, bagaimana ia telah menjadi kerjasama dan perikatan berjaya dan mengapa mereka mesti meneruskan konsep itu kerana ia baik untuk seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, mereka tidak membincangkan pilihan raya negeri dalam pertemuan itu.

Sementara itu apabila ditanya mengenai pembebasan seorang lagi tebusan dari Malaysia, Abdul Jawah Selamat oleh kumpulan bersenjata di Jolo, selatan Filipina semalam, Dr Mahathir berkata saya berharap pembebasan itu bukan kerana agama.

"Kebetulan kedua-dua orang yang dibebaskan sehingga ini beragama Islam, tetapi saya berharap mereka tidak dibebaskan berdasarkan kepada agama mereka," katanya.

--BERNAMA

MT PR